

07 SEP 2000

PERDANA MENTERI ADAKAN JAMUAN MAKAN MALAM UNTUK ANGGOTA IAP

PUTRAJAYA, 7 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menganjurkan jamuan makan malam bagi anggota Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC) di kediaman ramsi beliau malam ini.

Antara yang hadir ialah pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Acer Datuk Dr Stan Shih, Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Silicon Graphics Bob Bishop, Pengerusi Fujitsu Ltd Tadashi Sekizawa dan Pengerusi Perbadanan Kemajuan Multimedia (MDC) dan setiausaha IAP Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah.

Juga hadir ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri Datin Seri Endon Datuk Mahmood dan beberapa menteri Kabinet.

Sebelum menikmati jamuan, anggota kumpulan itu dibawa ke berandah Sri Perdana, Putrajaya, untuk melihat pemandangan Pusat Pertadbiran Kerajaan Pusat.

Semasa menikmati jamuan, para tetamu dihiburkan oleh Kumpulan Seni Persembahan Petronas dan penyanyi tempatan Yusni Hamid dan Salimah Mahmood.

Mesyuarat keempat IAP MSC diadakan di ibu pejabat MDC pagi ini dan dipengerusikan oleh Perdana Menteri.

--BERNAMA

NZ NZ RI